

TAHAP KEBIMBANGAN MENGIKUTI SUBJEK PERAKAUNAN KEWANGAN: KAJIAN KE ATAS PELAJAR DIPLOMA AKAUNTASI

LEVEL OF ANXIETY IN LEARNING THE SUBJECT OF FINANCIAL ACCOUNTING: A STUDY ON ACCOUNTING DIPLOMA STUDENTS

Noor Dasreena Shukria Abdul Shukur¹

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak, KM 22, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia
(E-mail: dasreena@poliku.edu.my; adik412@gmail.com)

Article history

Received date : 29-10-2023

Revised date : 30-10-2023

Accepted date : 5-12-2023

Published date : 31-12-2023

To cite this document:

Abdul Shukur, N. D. S. (2023). Tahap kebimbangan mengikuti subjek perakaunan kewangan: kajian ke atas pelajar diploma akauntasi. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(21), 18 - 22.

Abstrak: Subjek perakaunan umumnya dianggap subjek yang sukar difahami dan sukar untuk skor dalam peperiksaan. Oleh yang demikian, Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kebimbangan pelajar untuk terhadap subjek Perakaunan Kewangan. Sampel kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Kuching Sarawak. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang telah diedarkan secara dalam talian menggunakan Google Form secara rawak. Data yang diperolehi kemudiannya di analisis menggunakan perisian "Statistical Package for Social Science" (SPSS 13.0). Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk mendapatkan min dan peratusan untuk menentukan item mana yang paling dibimbangi oleh pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar berasa paling takut sekiranya pensyarah mengajar terlalu cepat ketika sesi pengajaran & pembelajaran perakaunan. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar kurang faham perkara yang diajar. Kajian ini penting sebagai input bagi membantu pensyarah untuk memahami situasi pengajaran dan pembelajaran bagi subjek perakaunan kewangan.

Kata Kunci: Kebimbangan, Perakaunan Kewangan, Cara pembelajaran.

Abstract: The subject of accounting is generally considered a difficult subject to understand and difficult to score in the exam. Therefore, the objective of this study is to identify the level of students' fear towards the subject of Financial Accounting. The sample of this study consists of 100 Diploma in Accountancy students at Polytechnic Kuching Sarawak. The research instrument used is a questionnaire that has been distributed online using Google Form at random. The data obtained was then analyzed using the software "Statistical Package for Social Science" (SPSS 23.0). The analysis used was a descriptive analysis to obtain the mean and percentage to determine which items the students were most worried about. The results of the study found that the students felt the most afraid if the lecturer teaching too quickly during the accounting teaching and learning session. This situation can cause students to lack understanding of what is being taught. This study is important as an input to help lecturers to understand the teaching and learning situation for the subject of financial accounting.

Keywords: Anxiety, Financial Accounting, Learning method.

Pengenalan

Perakaunan kewangan adalah subjek asas dalam bidang perakaunan yang memainkan peranan penting dalam membentuk pengetahuan asas profesional perakaunan (Ahmad et al, 2015). Pelajar sering takut untuk mengikuti subjek perakaunan kewangan atas pelbagai sebab. Antaranya ialah, sifat kompleks dan rumit konsep bagi perakaunan (Kadir, 2002), yang melibatkan rumus atau formula yang rumit, sering memerlukan kemahiran matematik yang kuat, yang membawa kepada kebimbangan di kalangan pelajar yang lemah pengiraan. Disebabkan itu, pelajar menjadi bimbang terhadap kegagalan dalam penilaian dan peperiksaan bagi subjek perakaunan kewangan. Memahami sifat dan tahap kebimbangan pelajar adalah penting untuk pensyarah, pembangun kurikulum dan penggubal dasar dalam strategi pengajaran kaedah pembelajaran agar pembelajaran bagi subjek ini dapat dijalankan secara berkesan. Ini kerana menurut Hashim et al. (2003) dan Sholeha dan Al Baqi (2022), kebimbangan merupakan faktor yang ketara dalam menentukan pencapaian akademik. Kajian tersebut menjelaskan bahawa mereka yang pintar dan berpencapaian tinggi adalah mereka yang berkebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran dan mereka mempunyai tahap kebimbangan yang rendah.

Umumnya subjek berkaitan dengan perakaunan seperti perakaunan kewangan sangat dibimbangi oleh pelajar bukan aliran perakaunan. Ini kerana mereka tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bidang perakaunan semasa di sekolah menengah, berbanding dengan pelajar aliran perakaunan. Namun begitu, persoalan yang timbul adakah pelajar perakaunan yang mempunyai asas perakaunan turut bimbang terhadap subjek ini? Bagi menjawab persoalan ini kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan pelajar Diploma Akauntasi Politeknik Kuching Sarawak terhadap subjek Perakaunan Kewangan. Memahami situasi ini adalah penting bagi pensyarah yang mengajar untuk menangani punca ketakutan yang menyelubungi pelajar yang mengambil subjek perakaunan kewangan dengan melaksanakan kaedah pengajaran yang menyokong, menyediakan sumber untuk pembangunan kemahiran, dan menekankan perkaitan praktikal perakaunan kewangan boleh menyumbang kepada mengurangkan ketakutan ini dan menggalakkan pengalaman pembelajaran yang positif.

Sorotan Kajian

Habibah dan Noran Fauziah (2006), dalam buku mereka yang bertajuk Psikologi Personaliti menjelaskan bahawa ketakutan dan kerisauan adalah perasaan yang wujud apabila seseorang menjangkakan bahawa sesuatu perkara buruk akan berlaku. Buku tersebut menjelaskan bahawa, ketakutan merupakan satu perasaan takut tentang sesuatu perkara yang tidak diingini akan berlaku. Tidak dinafikan juga, semangnya wujud rasa ketakutan dalam subjek perakaunan oleh pelajar perakaunan (Jamaluddin et al., 2016) dan bukan dalam jurusan perakaunan (Malgwi, 2004) kerana bukan bidang mereka. Ini kerana subjek perakaunan dianggap subjek yang sukar (Rudzi, 2021; Tahir et al., 2022) dan sukar untuk mendapat prestasi yang baik (Ishak et al., 2008). Dalam konteks pembelajaran, perasaan takut umumnya merujuk kepada bimbang untuk gagal dalam subjek yang diikuti. Kebimbangan boleh menghasilkan sesuatu yang positif dan juga negatif. Seperti yang dijelaskan oleh kajian oleh Speierberger dan Daiz Guerrero (1983), bahawa pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi akan mengakibatkan pelajar kurang bermotivasi dan mereka mempunyai pencapaian akademik yang rendah. Kebimbangan ini akan membawa kesan yang teruk kepada perkembangan akademik mereka sekaligus mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar perakaunan tersebut. Seperti yang dijelaskan oleh Muhammad et al. (2019), menyatakan bahawa perasaan yang keliru dan tertekan akan mengakibatkan tahap kebimbangan yang tinggi dan mempengaruhi kepuasan Terdapat kajian menunjukkan bahawa pensyarah adalah faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar yang cemerlang (Ahmid et all, 2018). Oleh yang demikian

pensyarah perlu mencari strategi untuk mendidik dan mengajar agar minat pelajar bertambah selari dengan kajian Hamdan et al (2021), yang membuktikan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan ketakutan dan keimbangan pelajar di dalam proses pembelajaran dan pengajaran

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan. Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan teknik pensampelan rawak dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri dan diedarkan secara dalam talian. Sampel kajian merupakan pelajar di Jabatan Perdagangan Politeknik Kuching Sarawak yang mengambil bidang perakaunan Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Instrumen analisis adalah menggunakan perisian SPSS. Keputusan kajian ini akan ditunjukkan dalam bentuk peratusan dan min skor. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min. Nilai min akan diterjemahkan kepada berikut seperti yang digunakan dalam kajian Lendell (2000) iaitu 1.0 hingga 2.0 – Rendah; 2.1 hingga 3.0 – Sederhana; dan 3.1 hingga 4.0 – Tinggi.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

	Item	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	27	27%
	Perempuan	73	73%
Bangsa	Melayu	28	28%
	Cina	22	22%
	Bumiputera Sarawak	38	38%
	Bumiputera Sabah	4	4%
	Lain-lain	8	8%

Hasil Kajian

Dapatan kajian ini menerangkan tentang maklum balas yang diberikan oleh responen iaitu pelajar Akauntansi di Politeknik Kuching Sarawak terhadap keimbangan mereka terhadap subjek perakaunan Ringkasan dapatan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Kebimbangan Pelajar Terhadap Subjek Perakaunan Kewangan

Bil	Item Kajian	Skor Min	Tahap
1	Takut untuk bertanya kepada pensyarah ketika sesi PdP dijalankan.	2.2	Sederhana
2	Takut untuk mengemukakan jawapan bagi soalan yang diajukan oleh pensyarah ketika sesi pengajaran & pembelajaran perakaunan dijalankan.	2.38	Sederhana
3	Takut sekiranya sukar memahami pengajaran dan pembelajaran perakaunan yang disampaikan oleh pensyarah di dalam kelas.	2.81	Sederhana
4	Takut sekiranya nama dipanggil oleh pensyarah untuk menyelesaikan soalan perakaunan di papan putih.	2.58	Sederhana
5	Takut dengan “mood” pensyarah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran perakaunan sedang dijalankan.	2.84	Sederhana
6	Takut sekiranya pensyarah mengajar terlalu cepat ketika sesi pengajaran dan pembelajaran perakaunan.	3.04	Tinggi

7	Takut apabila pensyarah mengamalkan komunikasi dua hala di dalam kelas perakaunan.	2.35	Sederhana
8	Takut sekiranya saya terlelap di dalam kelas semasa PdP perakaunan dijalankan.	2.76	Sederhana
9	Bimbang tidak dapat menumpukan perhatian semasa sesi PdP perakaunan.	3.02	Tinggi
<i>Min purata</i>		2.66	<i>Sederhana</i>

Analisis skor min dalam kajian ini menjelaskan tahap kebimbangan pelajar dalam persekitaran pengajaran subjek perakaunan kewangan. Dalam aspek ketakutan untuk bertanya kepada pensyarah ($\text{min} = 2.2$) dan ketakutan terhadap "mood" pensyarah ($\text{min} = 2.84$), menunjukkan umumnya masih ramai dalam kalangan belajar takut untuk bertanya kepada pensyarah. Ini menjelaskan kekhawatiran pelajar adalah dalam aspek aspek interpersonal dalam sesi pembelajaran. Begitu juga dengan kebimbangan untuk mengemukakan jawapan ($\text{min} = 2.38$) atau terlelap dalam kelas ($\text{min} = 2.76$), menunjukkan ramai pelajar takut untuk berinteraksi dengan pensyarah mereka. Dapatkan juga menunjukkan komunikasi dua hala ($\text{min} = 2.35$) dalam kajian ini agak membimbangkan kerana pelajar juga takut apabila ditanya oleh pensyarah. Selain itu dapatkan kajian juga menunjukkan ramai pelajar sangat bimbang terhadap apabila pensyarah mereka terlalu cepat dalam pengajaran ($\text{min} = 3.04$) dan bimbang tidak dapat menumpukan perhatian semasa sesi PdP perakaunan ($\text{min} = 3.02$). Secara puratanya, tahap kebimbangan pelajar terhadap subjek ini adalah pada tahap sederhana, yang menunjukkan bahawa masih ramai lagi pelajar yang bimbang untuk mengambil subjek ini kemungkinan disebabkan oleh sikap pensyarah sendiri yang kurang memahami kelemahan pelajar mereka.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap kebimbangan pelajar Diploma Akauntansi, Jabatan Perdagangan di Politeknik Kuching Sarawak terhadap subjek perakaunan kewangan yang mereka ambil. Dapatkan kajian secara puratanya menunjukkan tahap kebimbangan pelajar adalah pada tahap sederhana. Dapatkan ini menjelaskan, masih ramai lagi pelajar yang bimbang untuk mengikuti subjek ini. Sekiranya dilihat daripada item kajian, ianya lebih kepada kebimbangan kepada pensyarah yang mengajar subjek tersebut. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan supaya pensyarah perlu dedikasi dengan pelajar. Di samping itu, pensyarah perlu memperbaikkan teknik semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sesuatu subjek. Khususnya kepada pelajar miskin dan berpendapatan rendah kerana mungkin latar belakang mereka menyebabkan mereka berasa rendah diri dalam kelas seperti yang dijelaskan oleh Ngadiman et al. (2019). Kegagalan pensyarah untuk menunjukkan sikap yang positif akan menyebabkan pelajar berasa takut semasa sesi pengajaran dan pembelajaran perakaunan dijalankan.

Rujukan

- Ahmad, N. L., Ismail, K., & Saad, N. (2015). Jangkaan Pelajar Perakaunan Terhadap Kurikulum Pendidikan Perakaunan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1).
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSRH)*, 3(3), 136-147.
- Habibah & Noran Fauziah. (2006). Psikologi Personaliti. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan, A. R., Mustafa, M. F., & Taha, H. (2021). Hubungan di antara Kebimbangan, Keyakinan dan Sikap Guru dengan Pencapaian Matematik Murid Sekolah Rendah. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 9(2), 49-61.
- Hashim, S., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Professional.
- Ishak, Z., Abdul Manaf, N. A., & Mat Zin, R. (2008). Faktor penentu prestasi pelajar matrikulasi dalam subjek perakaunan. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 5, 99-115.
- Jamaluddin, J., Mohd Din, N., Ahmad, M. A. N., Abdul Jabar, F., Mohamad Fadzillah, N. S., & Husin, Z. (2016). Keberkesanan kaedah permainan dalam pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan di sekolah menengah. *KONAKA Konferensi Akademik 2016*, 53-57.
- Kadir, S. A. (2002). Perbandingan Pembelajaran Kooperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kondisi Akademik dan hubungan Sosial Dalam Pendidikan Perakaunan. *Malaysia: Universiti Putra Malaysia*.
- Malgwi, C. A. (2004). Determinants of accounting anxiety in business students. *Journal of College Teaching & Learning (TLC)*, 1(2).
- Muhammad, M., Talip, R., & Taat, M. S. (2019). Pengaruh Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta Di Sabah. *Jurnal Ilmi*, 9(1), 102-119.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perlادangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Rudzi, R. M. (2021). Pengaruh Peranan Pensyarah Terhadap Minat Dan Kecenderungan Pelajar Dalam Subjek Perakaunan. In *4th International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management (4 th ICEEM)* (pp. 1-13).
- Sholeha, F. Z., & Al Baqi, S. (2022). Kecemasan Peserta Didik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *MAHIRA: Journal of Arabic Studies*, 2(1), 1-12.
- Spielberger, C. D., & Diaz-Guerrero, R. (1983). Cross-cultural anxiety: An overview. *Series in Clinical & Community Psychology: Stress & Anxiety*.
- Tahir, N. M., Husain, R., Ahmad, N., Atan, M. A., & Phang, F. A. (2022). Keberkesanan Penggunaan Inovasi Top Assistant Dalam Mempelajari Perakaunan di Kolej Vokasional. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1), 61-71.